



UMP tekad bangunkan sosioekonomi masyarakat di daerah Pekan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan terus memainkan peranan penting dalam mendukung usaha kerajaan membangunkan sosioekonomi dan memajukan masyarakat setempat di daerah Pekan.

Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP akan terus mengadakan program khidmat masyarakat terutamanya di sekitar kampus bagi dimanfaatkan oleh mereka.

"Ini merupakan inisiatif dan pendekatan terbaik universiti dalam mendukung usaha kerajaan selain berperanan membangunkan modal insan menerusi sains dan teknologi.

"Kami mahu masyarakat Pekan merasai kewujudan universiti ini sebagai satu nikmat pembangunan bukan sekadar mercu tanda semata-mata," katanya ketika berucap di Majlis Mesra UMP Bersama Pemimpin Masyarakat Mukim Kuala Pahang di kampus UMP, Kuala Pahang pada 25 Jun 2009 baru-baru ini.

Menurut beliau, dengan wujudnya kampus UMP di Kuala Pahang, Pekan yang mula beroperasi pada bulan Julai 2009, hubungan mesra dengan para pemimpin setempat adalah perlu bagi memastikan hubungan UMP dengan masyarakat yang berada di sekeliling kampus ini sentiasa harmoni.

"Lebih kurang 2,000 orang pelajar dan staf

dari fakulti Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) akan berpindah pada bulan Julai ini.

"UMP bersedia untuk membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat, merangsang pertumbuhan ekonomi dan memudahkan cara transformasi dan transisi landskap sosial setempat menggunakan bidang kepakaran yang ada di universiti ini.

"Pihak UMP juga turut mendukung gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, apatah lagi kampus tetap UMP terletak di kawasan Parlimen yang diwakili oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak," katanya.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, hubungan UMP dengan masyarakat Pekan telah lama terjalin terutama dalam projek khidmat komuniti sejak dari tahun 2005 lagi.

"Sekolah Kebangsaan Indera Shahbandar di Kuala Pekan telah dipilih oleh FKEE untuk projek kecemerlangan akademik dan hubungan ini berterusan hingga kini.

"Manakala FKM pula telah menjadikan Sekolah Menengah Kebangsaan Peramu Jaya sebagai sekolah angkat.

"Hubungan yang telah sedia terjalin ini diharap dapat dikekalkan dan persefahaman dan

keharmonian dengan semua pemimpin masyarakat di Kuala Pahang di peringkat awal dapat dieratkan," katanya.

Menjawab soalan daripada wakil masyarakat di kampung berdekatan, beliau berkata, kewujudan UMP di kawasan Kuala Pahang diharap dapat membantu membangunkan kawasan tersebut di samping mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan.

"Perniagaan seperti kedai jualan alat tulis, dobi, jualan makanan, kedai membaiki motosikal dan banyak lagi mampu meningkatkan ekonomi penduduk setempat," ujarnya.

Manakala menurut Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK) yang juga Ketua Wanita Kampung Serandu, Halimah Salleh berkata, tahap ekonomi masyarakat di Kampung Serandu masih jauh ketinggalan berbanding dengan lain-lain kampung berhampiran dan mengharapkan dengan adanya kampus UMP ini akan dapat membantu dalam peluang ekonomi.

"Insya-Allah UMP akan terus meningkatkan lagi keberkesanannya dalam membangunkan sosioekonomi penduduk setempat program pendidikan berterusan, penyelidikan, khidmat kepada dan perundingan serta kemudahan yang secara langsung menjurus kepada memasyarakatkan UMP," katanya.